

16 JAN 1999

Abdullah-Pembangunan

LANGKAH KE ALAF BARU TANPA PROJEK PEMBANGUNAN TERTUNGGAK, KATA TPM

KEPALA BATAS, 16 Jan (Bernama) -- Agensi pelaksanaan pembangunan di negara ini perlu memastikan tidak ada projek pembangunan yang tertangguh terutama di kawasan luar bandar sebelum melangkah ke alaf baru, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Apabila melangkah masuk abad baru, kita harap tidak ada projek tertunggak dan kita mesti memastikan apabila sesuatu projek diperuntukkan untuk tahun berkenaan ia perlu diselesaikan", katanya pada majlis jamuan air nira bersama penduduk di Kampung Rantau Panjang di sini malam tadi.

Abdullah berkata kerajaan mahu melangkah ke abad baru dalam keadaan baik dan apabila segala projek pembangunan telah dapat diselesaikan ia menunjukkan keupayaan dan kemampuan kerajaan adalah lebih besar.

Oleh itu, kerjasama rakyat di semua peringkat terutama penduduk di luar bandar adalah penting kerana semua projek pembangunan yang dilaksanakan adalah untuk kesejahteraan mereka.

Bagi menunjukkan komitmen kerajaan terhadap pembangunan di luar bandar, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mencadangkan supaya Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Luar Bandar ditubuhkan, katanya.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Abdullah berkata beliau telah dilantik mempengerusikan jawatankuasa itu yang akan bermesyuarat secepat mungkin untuk menggerakkan jentera itu dengan berkesan.

"Kita mahu apabila masuk abad baru rakyat terutama yang tinggal di luar bandar hidup dalam keadaan yang baik", katanya.

Beliau berkata kerajaan tidak akan melupakan nasib rakyat di luar bandar kerana mereka juga berhak mendapat nikmat pembangunan.

Abdullah berkata Perdana Menteri menganggap Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar penting dan untuk itu beliau mahu memastikan projek pembangunan di luar bandar dilaksanakan tanpa lengah-lengah atau tergendala.

Katanya Dr Mahathir juga mahu penduduk di kawasan luar bandar turut makmur dengan usaha perlu dibuat bagi membantu mereka menghasilkan produk tani dan kraftangan yang boleh dipasarkan untuk menambahkan pendapatan.

Walaupun tidak ada golongan yang dianggap papa di kawasan luar bandar tetapi kerajaan mahu memastikan program pembasmian kemiskinan diteruskan memandangkan masih ada golongan yang berpendapatan sedikit.

Oleh itu, usaha perlu dibuat untuk menggalakkan golongan itu menambahkan pendapatan melalui projek industri kecil, katanya.

-- BERNAMA

NH RHM